

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

IQK 305/3 - PERALATAN KAWALAN PROSES


Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Rajah 1 menunjukkan dengan terperinci turutan pensuisan bagi Motor Pelangkah Engganan Boleh Ubah (Variable Reluctance Stepper Motor (VRSM)). - Pelangkah ini bergerak ikut jam apabila input luaran $Z = 1$ dan arah lawan jam bila $Z = 0$. Adalah perlu untuk merekabentuk satu pengawal turutan (sequence controller). Anda diminta:

- i) Tentukan bilangan keadaan yang diperlukan
- ii) Lukis gambarajah keadaan (state diagram)
- iii) Sediakan jadual keadaan (state table), dan
- iv) Dapatkan persamaan-persamaan input Flip Flop dan persamaan-persamaan output pengawal (controller)
(Guna flip-flop J-K)



Step	Y_1	Y_2	Y_3
1	X	X	
2		X	X
3	X		X
4	X	X	

FIGURE 1

Y_1, Y_2, Y_3 adalah output pengawal turutan. ϕ_i adalah teruja (excited) apabila $Y_i = 1$, ($i = 1, 2, 3$). Di dalam gambarajah turutan di atas X menunjukkan ujaan fasa (phase excitation).

[100 markah]

2. (a) Terangkan dengan bantuan gambarajah, pembinaan dan pengendalian sel beban tolok terikan (strain gauge load cell). Tunjukkan kaedah-kaedah untuk mencapai kejituhan yang tinggi dan kepekaan yang bertambah.

[50 markah]

- (b) Terangkan konsep kerangka beban enam komponen (six-component load frame). Apakah penggunaannya?

[50 markah]

3. Terangkan dengan gambarajah, prinsip mana-mana dua dari yang berikut:

- (a) Penderia tork suapbalik (feedback torque sensor)
- (b) Ukuran tork tolok terikan (strain gauge)
- (c) Ukuran tork giroskop

[2 x 50 markah]

4. (a) Nyatakan tiga sebab mengapa komputer analog lebih digemari di dalam penyelakuan (simulation) dan kawalan sistem-sistem proses.

[30 markah]

- (b) Satu sistem kawalan proses dimodelkan oleh:

$$1000 \ddot{X}(t) + 40 \dot{X}(t) + 2 X(t) + 0.02 X(t) = U(t)$$

$$X(0) = 0; \quad \dot{X}(0) = 0.02; \quad \ddot{X}(0) = 0.004$$

Penyelakuan perlu dicepatkan sebanyak 10 kali.

- (i) Sediakan gambarajah penyelakuan berskala masa (time scaled simulation diagram) yang lengkap.
- (ii) Tunjukkan bagaimana untuk menukar skala (re-scale) paksi masa plot-plot sambutan (response plots).

[50 + 20 markah]

5. Adalah perlu untuk membentuk sistem kawalan suhu digital bagi pemanasan bilik. Spesifikasi-spesifikasi adalah:

- (i) Titik set (set point) hendaklah data binari 8-bit natural.
- (ii) Suhu hendaklah diselenggarakan pada nilai yang dikehendaki di dalam julat 0° ke 80°C .
- (iii) Sistem mempunyai pendingin udara untuk menyejukkan udara dan pemanas untuk memanaskan udara, setiap satu menggunakan 5W apabila ON.

Rekabentuk satu sistem kawalan, sediakan gambarajah litar yang terperinci; nyatakan sebarang kekurangan (short-comings) sistem kawalan anda.

[100 markah]

6. Sediakan nota-nota pendek bagi mana-mana dua dari yang berikut:

- (a) Perbandingan di antara magnet kekal (Permanent Magnet), Motor Pelangkah Engganan Boleh Ubah (VRSM) dan Hibrid.
- (b) Mod-mod HOLD, COMPUTE dan RESET bagi pengkamil (integrator) di dalam komputer analog.
- (c) Transduser daya magnet kenyal (Magneto-elastic force).

[2 x 50 markah]

oooooooooooo000000oooooooooooo